




KIMANIS

NEGERI TUA, TANAH KERAMAT



CHINA SEA

SECRET
MAP OF
ROUTE
FROM RIVER TO CALAMIAN ISLAND

1850
REPRODUCED BY
THE GOVERNMENT OF THE PHILIPPINE ISLANDS
FOR THE USE OF THE NAVY AND MARINE CORPS

KIMANIS

NEGERI TUA, TANAH KERAMAT

Penyunting
BASZLEY BEE AWG. BASRAH
EKO PRAYITNO JOKO
ZAINUDDIN BACO

PENERBIT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Kota Kinabalu • Sabah • Malaysia

<http://www.ums.edu.my>

2015

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)

© Universiti Malaysia Sabah, 2015

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesahihan maklumat yang terdapat dalam buku ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna buku ini perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam buku ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan buku ini.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

KIMANIS : NEGERI TUA, TANAH KERAMAT / Penyunting BASZLEY

BEE AWG. BASRAH, EKO PRAYITNO JOKO, ZAINUDDIN BACO

Bibliography: page

ISBN 978-967-0521-47-3

1. Kimanis (Sabah)--History. 2. Kimanis (Sabah)--Social life and customs.

3. Kimanis (Sabah)--Description and travel. I. Baszley Bee Awg. Basrah.

II. Eko Prayitno Joko. III. Zainuddin Baco.

959.521

Muka taip teks: BrowalliaUPC

Saiz taip teks dan *leading*: 18/20 poin

Diterbitkan oleh: Penerbit Universiti Malaysia Sabah

Tingkat Bawah, Perpustakaan, Universiti Malaysia Sabah

Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Dicetak oleh: EBiz Design & Communications

Suite A33A, 3rd Floor, Tanjung Aru Plaza,

Jalan Mat Salleh, 88300 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.



Buku ini didedikasi khas kepada

Profesor Datuk Dr. Mohd Harun bin Haji Abdullah

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah

atas inisiatif penulisan buku ini yang merupakan
cetusan idea beliau sendiri.



(2)

BORNEO


reduced
from the large Map constructed
for the
Borneo Geographical Institution

by
Augustus Petermann F.R.G.S.
Engraved by G.H. Swanson.

Scale: 1'000,000 (nearly 130 miles to 1 inch)
Geographical Miles

Soundings are expressed in fathoms,
— 10 fathom line
— 20
— 30
— 40
— 50 fathom line.

Dutch possessions, or under Dutch influence, coloured Purple
Sultan of Borneo Brown
Sultan of Sooloor Stone



Kandungan

Prakata
Penghargaan

PROLOG: WARISAN SEPANJANG ZAMAN.....	1
---	----------

Abdul Munir Hafizy Ladoni

DEMOGRAFI.....	9
-----------------------	----------

Fauzie bin Sarjono

NEGERI TUA ZAMAN KESULTANAN BRUNEI.....	17
--	-----------

Baszley Bee Awg. Basrah

KOLONI ELLENA.....	43
---------------------------	-----------

Bilcher Bala

INSTITUSI PENTADBIRAN PERIBUMI.....	71
--	-----------

Mosli Tarsat

MITOS KE SEJARAH.....	87
------------------------------	-----------

Eko Prayitno Joko

WARISAN BERSEJARAH.....	115
--------------------------------	------------

Zainuddin Baco, Mohd. Amiruddin Nora Afandi

& Baszley Bee Awg. Basrah

KIMANIS DALAM SUMBER ARKIB.....	135
--	------------

Ab Nasir Roslan, Rasid Mail & Baszley Bee Awg. Basrah

KRAF TANGAN TRADISIONAL.....	147
-------------------------------------	------------

Saat Hj Awg. Damit

MONSUUNG DAHUNGAN (UPACARA MAKAN KUALA).....	165
---	------------

Abd. Hakim Mohad & Zainuddin Baco

EPILOG: TANAH KERAMAT, BUMI BERTUAH.....	183
---	------------

Mohd Hamdan Hj. Adnan

KRONOLOGI 600 TAHUN SEJARAH KIMANIS.....	193
---	------------

Rujukan



Prakata

Kimanis merupakan sebuah kawasan yang terletak di sepanjang Sungai Kimanis, iaitu terdiri dari beberapa buah kampung bermula dari kawasan muara hingga ke hulunya. Jika ratusan tahun lalu persekitaran fizikal kawasannya didominasi oleh hutan dan sawah padi, kini ladang kepala sawit dan loji petroleum pula menyerlah. Untuk itu, buku ini merupakan rakaman masa lalu pada masa kini yang ditulis, sebagaimana yang diceritakan oleh sebilangan besar penduduk Kimanis. Cerita yang diperturunkan dari generasi ke generasi buat teladan, rasa bangga dan jati diri sebagai anak Kimanis tanpa mengira kaum dan kepercayaan. Namun, penulisan cerita tersebut diselitkan dengan maklumat sejarah berdasarkan rekod oleh pengkaji sebelumnya tanpa sebarang tokok tambah.

Sejarah kewujudan Kimanis sejak 600 tahun lalu menyaksikan banyak peristiwa penting. Suka duka masyarakat asal iaitu kaum Dusun ketika tradisi pemburuan kepala dan sengketa antara puak banyak mengorbankan nyawa. Peristiwa ini dibuktikan menerusi tinggalan peristiwa tersebut disandarkan dengan tradisi lisan. Tinggalan kebudayaan ini semakin lenyap dibawa arus pembangunan.

Begini juga ketika Kimanis menjadi wilayah jajahan Kuripan dan Tulin Kesultanan Kimanis. Kimanis menjadi negeri pembuangan dan tempat hukuman ke atas para raja (Pengiran Bertaras). Bukit Kupang menjadi bukti apabila terdapat beberapa buah makam golongan raja Brunei ditemui di kawasan ini. Makam mereka tidak bertanda, hanya terdapat nisan yang dibaluti kain kuning terletak di kawasan puncak bukit tersebut. Simbol bahawa makam tersebut milik golongan para raja.

Tinggalan kewujudan Koloni Ellena yang sinonim dengan gelaran Ellena Kingdom semakin pupus dimamah usia dan vandalisme kebudayaan. Pusara Thomas Bradley Harris yang meninggal dunia bersama impian yang tidak kesampaian pada 22 Mei 1865 pula semakin dilupakan. Koloni ini merupakan satu-satunya bukti bahawa Amerika Syarikat mempunyai koloni di Borneo.

Zaman pentadbiran *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) membawa Kimanis dari zaman tradisional. Pekan Kimanis dibangunkan dengan satu deretan bangunan kedai kayu lima pintu sebelum Perang Dunia Kedua. Untuk berdekad lamanya, bangunan kedai ini berbakti kepada penduduk sekitarnya, khususnya para buruh *Kimanis Rubber Estate*. Namun, bangunan usang menjadikan Kimanis bagi pekan *cowboy*. Bangunan ini tidak diketahui nasibnya lagi untuk beberapa tahun yang mendatang.

Sesungguhnya, Kimanis adalah sebuah negeri tua terkecil dalam wilayah jajahan Brunei tetapi memiliki sejarah besar untuk dihayati. Sumpahan tujuh keturunan Syed Ahmad Sharif atau Sharif Mohammad sudah berakhir, namun tidak bermakna kawasan ini hilang keramatnya. Selagi masyarakatnya mengetahui sejarahnya dan diperturunkan kepada generasi baharu, Kimanis tetap wujud walau tidak seperti yang dahulu. Buku ini diharapkan menyumbang kepada kesedaran untuk menghargai warisan kebudayaan dan sejarah tempatan, di samping menjadi sokongan kepada industri pelancongan negeri Sabah dan Malaysia amnya.

Baszley Bee Awg. Basrah
Eko Prayitno Joko
Zainuddin Baco

Penghargaan

Syukur alhamdulillah ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, buku *Kimanis: Negeri Tua, Tanah Keramat* ini berjaya disiapkan. Ucapan penghargaan kepada YBhg. Prof. Datuk Mohd. Hamdan Hj. Adnan, Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah atas sokongan dalam menjayakan kajian dan penulisan ini.

Terima kasih juga diucapkan kepada Haji Abdullah bin Muhammed, ahli keluarga keturunan Penyurat Datuk Badar Muhammad, Encik Sarjono Khromosovidjo Harjo Supartha, Encik Bakar Awg. Kurus dan Encik Ismail Sikar (Ladang Sawit Kinabalu), Encik William Henry Harley, OKK Haji Pg. Mohd Yassin Haji Pg. Ali, Encik Palin Along dan Guslin Ajak, Ahli Jawatankuasa Adat dan Istiadat Upacara Memberi Makan Kuala Kimanis. Kepada para penduduk Kimanis, tanpa bantuan mereka kajian dan penulisan ini tidak akan dapat dilaksanakan sebagaimana diterbitkan.

Akhir sekali kepada para pelajar tahun akhir Program Sejarah, Semester 2 Sesi 2013/2014, pelajar Pascasiswazah Program Sejarah selaku fasilitator dan Pembantu Penyelidik, staf kedekanan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan yang membantu dalam mengumpulkan dan mendokumentasikan data lapangan tentang Kimanis.





Kimanis dari udara



Bahagian hulu Sungai Kimanis